



Ruj. Kami : KKM.S 500-2/31/20 Jld. 2 (24)

Tarikh : 18 September 2023

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

URUSAN KENAIKAN PANGKAT BAGI SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR (REKOD PERUBATAN) GRED N29 KE GRED N32 DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Sumber Manusia (BSM) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan urusan kenaikan pangkat bagi skim perkhidmatan **Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan) Gred N32** dan tawaran ini terbuka hanya kepada Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan) Gred N29 yang sedang memangku Gred N32 mulai **03.04.2023**. Senarai nama pegawai yang telah dikenal pasti untuk dipertimbangkan dalam urusan ini adalah seperti di **Lampiran A**. Tawaran ini juga terbuka kepada pegawai yang telah memangku Gred N32 **melebihi enam (6) bulan tetapi tiada dalam senarai nama yang dilampirkan**.


3. Bagi melaksanakan urusan ini, dimohon kerjasama YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan untuk mengemukakan maklumat sebagaimana yang diperlukan seperti perincian berikut:

- (a) **Cabutan Buku Rekod Perkhidmatan mulai : 1 salinan
01 Januari 2022**
- (b) **Borang NP(S) 8.2 Pindaan 2023 : 1 salinan**
- (c) **Pengesahan Markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan : 1 salinan
(LNPT) Tahun 2020, Tahun 2021, Tahun 2022 dan
Laporan Nilai Prestasi Khas (LNPK) Tahun 2023**

4. Sekiranya pegawai yang terlibat membuat penangguhan melaporkan diri dalam urusan pemangku ke Gred N32, dimohon agar mengemukakan sesalinan **surat kebenaran penangguhan** oleh Ketua Jabatan. Sekiranya pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan tidak memperakukan kenaikan pangkat pegawai berkenaan, perakuan secara bertulis berserta salinan dokumen sokongan yang berkaitan perlu dikemukakan kepada BSM, KKM.



5. **Tarikh tutup permohonan** bagi urusan kenaikan pangkat ini adalah pada **27 Oktober 2023 (Jumaat)**. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan dalam memastikan semua dokumen adalah lengkap sebagaimana senarai semak di **Lampiran B** dan dikemukakan pada tarikh yang ditetapkan amatlah dihargai. Dimaklumkan juga surat edaran/ iklan dan borang berkaitan dengan urusan kenaikan pangkat ini boleh dimuat turun melalui portal rasmi KKM atau diakses melalui Kod Pautan Pantas (Kod QR) berikut:



6. Dokumen perakuan kenaikan pangkat bagi urusan ini hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

Bahagian Sumber Manusia
Unit Naik Pangkat (Pelaksana)
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 9, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W. P. PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Mohd Asrul bin Ismail)

7. Sukacita diingatkan juga dalam pertimbangan sesuatu urusan kenaikan pangkat, adalah menjadi tanggungjawab pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan untuk memastikan **perakuan Penyelia dan Ketua Jabatan dilaksanakan secara telus mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa**. Untuk makluman, LKP I KKM memandang serius perkara ini dan memutuskan agar surat teguran diberikan kepada mana-mana penyelia dan Ketua Jabatan yang membuat perakuan pemangku/ kenaikan pangkat yang tidak selari dengan prestasi semasa pegawai.

8. **Ketua Jabatan** juga **bertanggungjawab** memastikan **tindakan tatatertib bagi pegawai** yang mempunyai rekod Tidak Hadir Bertugas (THB) **telah selesai dilaksanakan**. Laporan tindakan tatatertib hendaklah dimaklumkan kepada urus setia dengan segera supaya urusan pengesahan kenaikan pangkat pegawai tidak terjejas.

9. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(RAJA SURIATI BINTI RAJA SULAIMAN)

Bahagian Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN:

- Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
- Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
- Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak


Mohon panjangkan kepada semua bahagian/jabatan di IPKKM

- Pengarah
Hospital Kuala Lumpur
- Pengarah
Hospital Tunku Azizah Kuala Lumpur
- Pengarah
Institut Perubatan Respiratori
- Pengarah
Institut Kanser Negara
- Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan

LAMPIRAN B

SENARAI SEMAK (*CHECKLIST*) BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT JAWATAN KUMPULAN PELAKSANA, KKM


Sila pastikan dokumen yang dihantar adalah lengkap dan disusun dengan kemas mengikut susunan berikut.

- | | TIADA | ADA / |
|---|-------|--------------------------|
| 1. Borang NP(S) 8.2 Pindaan 2023
(Muat turun melalui Kod QR berikut) | | <input type="checkbox"/> |
|  | | |
| 2. Lampiran 1 – Pengesahan Markah LNPT 2020, 2021,2022
(Sila sertakan salinan LNPT 3 tahun terakhir bagi mukasurat pertama yang memaparkan nama/maklumat pegawai dan mukasurat yang mengandungi jumlah markah keseluruhan LNPT sahaja) | | <input type="checkbox"/> |
| 3. Salinan LNPK 2023 | | <input type="checkbox"/> |
| 4. Cabutan salinan Penyata Perkhidmatan pegawai yang mengandungi nama, jawatan (maklumat pelantikan serta pengesahan dalam perkhidmatan) dan catatan mulai Januari 2022 sehingga kini | | <input type="checkbox"/> |
| 5. Salinan surat kebenaran Ketua Jabatan (jika ada penangguhan lapor diri untuk pemangkuan) | | <input type="checkbox"/> |

**SENARAI NAMA PEGAWAI URUSAN PENGESAHAN KENAIKAN PANGKAT
JAWATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR (REKOD PERUBATAN) GRED N29 KE GRED N32
(TARIKH MEMANGKU : 03/04/2023)**

BIL.	NAMA	PENEMPATAN
1	NURUL NADIRAH BINTI MALIK	HOSPITAL KUALA LUMPUR
2	HANA AZIRA BINTI HASAN	SELANGOR
3	NURUL AKMA BINTI ISMAIL	KELANTAN
4	NORAZURA BINTI AZIZ	HOSPITAL KUALA LUMPUR
5	NORAZURA BINTI ROSLI	HOSPITAL KUALA LUMPUR

DISAHKAN OLEH :


Nama : Mohd Asrul Bin Ismail
Jawatan : Penolong Setiausaha Kanan
Unit Naik Pangkat Pelaksana (NPS)
Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Kesihatan Malaysia
Tarikh : 18 September 2023